

07 JUL 2003

Astora-Mahathir

BUKU 'MENGHADAPI CABARAN' BUKTI PEMIKIRAN TAJAM DR MAHATHIR MENGENAI ISLAM

KUALA TERENGGANU, 7 Julai (Bernama) -- Pemikiran mengenai Islam oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebenarnya telah tercetus sebelum beliau menjadi Perdana Menteri menerusi buku pertamanya berjudul 'Menghadapi Cabaran' yang diterbitkan pada 1976, kata Pengarang Majalah Al-Islam, Astora Jabat.

Beliau berkata dakwaan kononnya Dr Mahathir cuba "mendekatkan diri" dengan pemikiran Islam hanya selepas berlakunya revolusi di Iran, yang menjadi punca kebangkitan Islam pada waktu itu untuk mengekalkan kuasa politiknya, adalah tidak benar.

Bercakap sebagai ahli panel pada Malam Pemikiran Dr Mahathir anjuran Radio Malaysia Terengganu, di sini malam tadi, Astora berkata bahawa dalam buku itu, Perdana Menteri telah membawa satu pemikiran yang sangat menarik mengenai Islam dan masa depan umat Islam yang berasaskan kepada kajian dan pemikirannya yang tajam.

Beliau berkata banyak orang tidak membaca buku itu, menyebabkan ramai yang telah membuat tanggapan salah terhadap Dr Mahathir.

"Sebenarnya, Dr Mahathir adalah seorang yang berfikiran tajam mengenai Islam, dan jika hendak dibandingkan dengan mereka yang menjadi pemimpin politik dan dianggap ulama, ia jauh berbeza kerana ulama seperti itu lebih jumud," katanya.

Astora berkata kegagalan rakyat melihat pemikiran Dr Mahathir mengenai Islam disebabkan mereka tidak mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

"Oleh itu, sebilangan rakyat kita tidak melihat Dr Mahathir sebagai tokoh (Islam) sedangkan di luar negara, pemikiran, idea serta sumbangannya dalam pembangunan umat Islam amat dikagumi.

"Orang melihat pemimpin pembangkang sebagai lebih Islamik kerana pakaiannya tetapi ramai yang tidak tahu pemikiran Dr Mahathir jauh lebih baik daripada mereka itu," katanya.

Astora berharap rakyat negara ini melihat pemikiran Dr Mahathir mengenai Islam dengan lebih jujur dan bertanggungjawab tanpa dipengaruhi dengan sentimen tertentu.

-- BERNAMA

AYB ERE MAI